Kerajaan komited dalam menangani isu pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara dan tindakan tegas akan dikenakan mengikut undang-undang Malaysia di bawah Akta Perikanan yang telah dipermemaskan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, Kabinet telah memutuskan supaya Operasi Naga yang melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Dalam Negeri ( KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) akan terus mengawasi perairan negara.

Menurutnya, kerajaan telah mengambil satu tindakan tegas hari ini (semalam) dengan menenggelamkan lima bot nelayan asing yang didapati bersalah menceroboh perairan dan menangkap sumber ikan negara secara haram.

"Tindakan diambil atas nama kedaulatan negara, sebagai rakyat yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara dan sumber makanan iaitu ikan serta demi kepentingan nelayan tempatan kita.

"Ini suatu mesej yang jelas yang kita berikan kepada mana-mana negara yang terlibat dalam isu pencerobohan perairan negara dan kerajaan tidak akan berganjak," katanya selepas menyaksikan pelupusan vesel penangkapan ikan asing di perairan Pulau Kapas di sini semalam.

Turut serta, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan; Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi; Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim; Pengarah APMM Pahang, Laksamana Muda (M) Datuk Zulkarnain Mohd Omar dan Pengarah APMM Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli.

Salahuddin berkata, beliau akan mengambil tanggungjawab untuk memastikan segala kelemahan Akta Perikanan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Pemegang-pemegang lesen tempatan juga diberikan amaran supaya tidak sesekali menjual lesen yang diberikan dan memberikan keizinan kepada bot asing untuk menggunakan lesen.

"Ini juga kita akan pastikan mereka akan diambil tindakan dan Kementerian tidak akan teragak untuk mengheret mereka ke muka pengadilan dan merampas lesen mereka. Ini merupakan satu tindakan yang kami lakukan atas nama rakyat dan kedaulatan negara.

"Yang penting saya mahu membela terus nelayan kita supaya mereka dapat menangkap hasil sumber laut kita tanpa gangguan dari pihak asing," katanya.

Beliau berkata, kementerian menjangkakan hampir separuh daripada RM6 bilion kerugian hasil laut setahun akibat pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara dapat dikurangkan melalui Operasi Naga secara agresif.

"Selain dapat mengurangkan kerugian, penguatkuasaan yang lebih tegas dan memperhebatkan operasi ini dapat memaksimumkan hasil tangkapan, sekali gus harga ikan dapat dikawal dengan baik," katanya.

Salahuddin berkata, MOA melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanteras pencerobohan bot asing terutamanya di Pantai Timur.

"Dalam tempoh lima bulan, Ops Naga ini berjaya menahan sebanyak 128 vesel atau bot termasuk warga asing yang telah dihadapkan ke mahkamah. Sebanyak 647 kes tangkapan bot asing telah dilaksanakan oleh penguat kuasa DOF, PPM dan APMM dari 2015 sehingga kini.

"Di samping itu juga, PPM bersama DOF telah menjalankan Operasi Gelora Khas yang bermula Jun lalu yang dijalankan kira-kira 100 batu nautika dari Pulau Tioman, Pahang sehingga ke Pulau Tenggol, Dungun.

"Hasil operasi bersepadu itu, kita berjaya merampas 14 bot nelayan asing dengan nilai rampasan kira-kira RM12 juta yang dipercayai telah menceroboh perairan negara serta mencuri hasil laut untuk dibawa balik ke negara asal mereka," katanya.

### *Lima bot rampasan dilupuskan*

Lima bot rampasan asing yang dilucut hak di bawah Akta Perikanan 1985 melalui kerjasama DOF dan APMM telah berjaya dilupuskan di perairan Pulau Kapas pagi semalam.

Tegas Salahuddin, kerajaan mengharapkan pelupusan bot-bot rampasan itu akan memberi amaran dan pengajaran kepada mana-mana bot asing yang cuba menceroboh perairan negara.

"Kerajaan komited dalam menangani isu 'illegal, unreported and unregulated (IUU) fishing'. Kerjasama serantau juga diperkukuhkan untuk membanteras penangkapan ikan secara haram (RPOA-IUU) melalui platform bilateral dengan negara-negara ASEAN terutamanya," katanya.

Bagi mengekang pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara, Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (pindaan 2019) telah mendapat kelulusan Parlimen bagi meningkatkan kadar denda.

Ia melibatkan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta, selain penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.



Bot rampasan yang dilucutkan hak berjaya dilupuskan di perairan Pulau Kapas pagi semalam.



Salahuddin melakukan tinjauan daripada udara dengan menggunakan helikopter.



Salahuddin membuat pemantauan pengawalseliaan di laut dengan memeriksa sebuah bot nelayan tempatan di perairan Pulau Kapas semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/10/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# LPP nafi terlibat Konvensyen Peladang 2019

**ALOR SETAR** - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menafikan terlibat dalam penganjuran Konvensyen Peladang 2019 yang akan dianjurkan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) Sabtu ini.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman berkata, LPP tidak pernah memberi kelulusan kepada Pasfa seperti dinyatakan dalam surat undangan yang diedar kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

Menurutnya, Pasfa tidak mempunyai autoriti untuk menganjurkan sebarang konvensyen kerana mereka merupakan sebuah agensi di bawah LPP.

"Lebih mengejutkan Pasfa telah mengedarkan surat undangan kepada semua PPN dan meminta mereka menaja peserta yang akan menyertai konvensyen berkenaan.

"Situasi ini akan menyebabkan berlaku penyalahgunaan dana sekiranya ada PPN yang menaja ahli mereka ke konvensyen berkenaan," katanya pada sidang media di sini semalam.



Mazlan (dua dari kanan) dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi melihat surat undangan Konvensyen Peladang 2019 yang diedarkan kepada semua PPN baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, beliau juga kecewa dengan kekacauan yang berlaku pada Mesyuarat Agung Tahunan PPN Kedah pada 26 September lalu.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pemilihan kepimpinan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPN Kedah sesi 2019-2021 tidak dapat dijalankan.

"Kita sedar terdapat segelintir pihak yang tidak bersetuju dengan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 [P.U.(A) 115/2019] yang telah diwartakan pada 1 Mei lalu dan cuba menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kalangan masyarakat peladang.

"Namun, peraturan tersebut telah diwartakan dan tiada perubahan akan berlaku," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/10/2019 | UTUSAN MALAYSIA | BISNES | 33 |

# PPKKL mantapkan industri cili

■ **KUALA LUMPUR 3 OKT.**

PERTUBUHAN Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL) memperkembangkan pasaran cili merah negara dengan menawarkan harga cili merah gred B dan C pada kadar RM6 sekilogram kepada petani.

Pengurus Besarnya, Mohd. Shakran Shamsuddin berkata, insiatif itu merupakan hasil kerjasama antara Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. menerusi program pembekalan cili merah bagi industri pemprosesan makanan.

"Penawaran ini dianggap sebagai 'bonus' kepada petani yang bernaung di bawah kami memandangkan sebelum ini cili gred B dan C yang hanya ditawarkan pada harga RM2 hingga RM4 sekilogram kini sudah melonjak kepada RM6.

"Ini merupakan satu perkembangan positif khususnya kepada petani yang sedikit sebanyak bakal menikmati jaminan harga tetap walaupun harga gred A pasaran semasa jatuh menjunam ke paras lantai iaitu RM4 sekilogram seperti sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui baru-baru ini.



**MOHD. SHAKRAN SHAMSUDDIN (dua dari kiri) memberi penerangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Surina Shukri berhubung penggunaan teknologi dalam penanaman fertigasi di Telok Panglima Garang, Banting, Selangor, baru-baru ini**

Tambah, Mohd. Shakran, inisiatif tersebut turut membuktikan petani tempatan sudah mampu untuk menampung keperluan dan permintaan cili merah bukan sahaja bagi pasaran segar malah untuk pemprosesan tempatan.

Sementara itu, Eksekutif Pertanian Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd., Ihsan Firman berkata, usaha tersebut sebelum ini sudah digerakkan menerusi projek perladangan kontrak yang dijalankan bersama Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Awang, Kelantan.

"Sebagai permulaan, dalam kerjasama antara PPKKL ini, kita telah meletakkan kuota iaitu bagi pembekalan 240 tan cili merah setahun dengan jumlah 20 tan sebulan untuk digunakan bagi pembuatan sos cili Maggi.

"Kami yakin dengan kemampuan PPKKL berdasarkan prestasi selain kemudahan dan fasiliti yang mereka miliki," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Teknikal Kumpulan Fertigasi Hijau, Norhashim Kamisan memberitahu, inisiatif tersebut secara tidak langsung membuktikan pemain industri kian yakin dengan usaha dan komitmen diberikan khususnya dalam kalangan petani.

"Kami amat berbesar hati dengan perkembangan baik ini dan pada masa sama kita akan terus berusaha untuk memberikan produk pertanian berkualiti kepada pemain industri.

"Dari sudut teknikal kita juga akan memastikan petani sentiasa mengaplikasi amalan pertanian baik termasuk dalam soal penjagaan dan penggunaan racun mengikut Tahap Maksimum Residu (MRL) yang ditetapkan demi kebaikan semua.

"Pada masa sama petani bersedia untuk meningkatkan pengeluaran demi memenuhi permintaan pasaran segar dan industri sekali gus menyahut seruan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengurangkan kebergantungan import," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/10/2019 | KOSMO | KOMUNITI | 37 |




LOY SIAN (depan tiga dari kanan) bergambar bersama pelajar selepas menutup projek Penanaman Pokok Nipah di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

# Pelajar UiTM tanam 1,000 anak pokok nipah

**TANAM POKOK**. Sebanyak 1,000 anak pokok nipah ditanam oleh sukarelawan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Puncak Alam pada Program Projek Penanaman Pokok Nipah di Jeti Nelayan Kampung Sungai Kajang, Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Projek anjuran Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Kampung Sungai Kajang itu melibatkan 125 pelajar daripadaempat fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pendidikan, Fakulti Perakaunan dan Fakult Sains Gunaan.

Turut serta menjayakan projek tersebut ialah kira-kira 100 penduduk setempat.

Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM Cawangan Selangor, Profesor Dr. Rugayah Hashim berkata, projek itu bagi memberi pendedahan kelestarian ekosistem kepada pelajar melalui penanaman anak pokok nipah.

Perasmian majlis penutupan projek itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor, Hee Loy Sian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/10/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 43 |

# Serba boleh



MOHD Izaha di kebun tanaman yang diusahakan Madrasah Tahfiz Anak-Anak Yatim/Miskin Raudhatul Baiduri, Kampung Olak Lempit.

## *Penghuni tahfiz juga diajar ilmu usahawan tani*

**Oleh Amir Abd Hamid**
amir_hamid@mediaprima.com.my

**Banting**

Bukan setakat menghafaz al-Quran, malah pelajar Madrasah Tahfiz Anak-Anak Yatim/Miskin Raudhatul Baiduri di Kampung Olak Lempit, di sini, turut dibekalkan ilmu usahawan tani sebagai persediaan kemahiran kendiri mencari rezeki.

Pengurus madrasah itu, Mohd Izaha Ismail berkata, sejak 2016 sehingga kini pusat ilmu berkenaan sudah menuai 11 kali tanaman rock melon dengan pendapatan tertinggi pernah dicapai adalah RM30,000 untuk sekali tuaian.

Beliau berkata, walaupun mengusahakan pertanian itu, namun pihak madrasah memastikan pelajar tidak hilang fokus utama dalam aspek hafazan dan bacaan kitab agama.

"Dalam sehari mereka (pelajar) ke kebun terletak dalam kawasan tahfiz ini hanya sejam. Setengah jam pagi setengah jam petang iaitu antara 7.30 pagi hingga 8 pagi dan 5.30 petang hingga 6 petang.

"Waktu riadah mereka dimanfaatkan dengan teknik tanaman ini termasuk penjagaannya. Kami mendapat sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

"Paling menyeronokkan pelajar adalah waktu tuaian apabila ramai datang termasuk dari luar negara untuk merasai memetik rock melon. Kami uar-uarkan Jom Petik Rock Melon, Membeli Sambil Beramal di media sosial Facebook (FB) dan WhatsApp setiap kali musim menuai," katanya.



TERNAKAN ayam dan itik turut diusahakan warga madrasah.

> *Kami mendapat sokongan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pertubuhan Peladang"*
>
> **Mohd Izaha Ismail**

Beliau berkata, 30 peratus hasil jualan rock melon itu adalah untuk setiap pelajar tahfiz itu sebagai simpanan masa depan dan selebihnya bagi membantu pembiayaan operasi pusat tahfiz selain sumbangan orang ramai.

Selaras hadis Nabi Muhammad SAW sembilan persepuluh pintu rezeki datangnya daripada berniaga, katanya, aspek kemahiran itu diterapkan untuk pelajarnya menerusi janaan hasil pertanian.

"Tuaian terbaru dijangka 15 Disember depan. Selain rock melon diusahakan komersial, kami juga mempunyai empat kolam ternakan air tawar dan ternakan ayam kampung yang lebih kepada untuk kegunaan sendiri.

"Madrasah amat mengharapkan setiap pelajar bukan sahaja cemerlang dalam hafazan, ilmu kitab agama, komunikasi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, malah menguasai selok-belok ilmu pertanian yang jelas terbukti boleh menjana pendapatan. Pertanian adalah perniagaan.

"Sebelum ini, tuaian dijual secara borong kepada pemborong atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), namun selepas musim tuai ketiga kami mendapat idea menarik pembeli merasai memetik rock melon di kebun," katanya.

Orang ramai yang prihatin dan mahu memburu pahala boleh salurkan sumbangan di akaun CIMB 8603007683 atau Bank Rakyat 111151001490 atas nama Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri.

Kos pembiayaan dan operasi tahfiz setiap bulan adalah antara RM10,000 hingga RM12,000.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/10/2019 | STAR METRO | FEATURE | 8 |

**Reel tales** Eddie Chua

eddiechua@thestar.com.my



The best time to carry out squid jigging in Langkawi is in January or February as tiger squid are found in abundance.



Be careful as squid can spray black ink when taken out of the water.

# The lure of squid jigging

## Anglers can look forward to this activity in Pulau Langkawi and other smaller islands off Yan in Kedah

SQUID jigging is a popular pastime for beginners or experienced anglers on both sides of peninsular Malaysia's coasts.

Although it is seasonal on the east coast when the squid come out in abundance in the early part of the year to mate, the cephalopods can be caught all year round, depending on the tide and current.

Unlike fishing, squid jigging is much easier and can even be done by those without any fishing experience.

Landing the squid on the rod and line is not a difficult task but some knowledge and simple techniques are required.

As the northeast monsoon season is about to start soon, anglers can look forward to jigging squid on the west coast.

Interesting places include Langkawi and other smaller islands off Yan in Kedah.

The season for squid jigging is from November to April. The best time for squid jigging in these areas is in January or February as tiger squid can be found in abundance.

One of the best places to hunt for these squid, known as *Sotong Ngabang* among the locals, is in the vicinity of Pulau Dayang Bunting and Pulau Singa Besar near Langkawi while those heading out from Yan can head to Pulau Bidan and Pulau Songsong.

Based on my experience, the squid found near the many unjams – a man-made fish-aggregating device made from coconut leaves tied to bamboo poles where smaller fish play and hide in the fronds – in the middle of the sea off Yan are much bigger than those found near the islands around Langkawi.

Squid jigging does not require expensive or special equipment to carry out the activity. Any type of rod or reel can work for squid fishing.

But the best would be a light medium-action rod attached to a small reel, preferably a spinner, with a light poundage line.

Luminous coloured lures have been known to be effective for this type of fishing.

The common lures used among anglers to catch these squid are the weighted traditional Japanese Egi, which is shaped like a fish or prawn.

These lures are tied to a leader or directly to the mainline with the uni-knot.

A heavier weighted jig may be required if the current is swift and strong.

One can also use multiple lures on the line but it is highly recommended to have only two attached to a paternoster rig.

If two lures are used, the bottom arm should be longer than the other one to prevent the lures from getting tangled. The heavier lure should be placed at the bottom of the rig if the current is strong.

One has to lower the rig to the seabed and slowly retrieve the lures in a steady intermittent jerking motion, to imitate the movement of a small fish to attract the squid to the surface.

The squid's tentacles would be caught on the lure's umbrella hooks when the cephalopod attacks it.

Fighting the squid, especially the big one on a light tackle, can be very exciting.

But this has to be done gently. Any force or vigorous tug when retrieving the catch can cause the tentacles to snap, allowing the squid to escape.

And if the squid has been successfully retrieved to the surface, don't be overly excited.

One has to be careful as the squid would spray its black ink when it is taken out of the water. The ink is difficult to remove if it splashes on clothes.

The trick here is to hover the catch slight below the surface, allowing it to discharge its ink several times before yanking it out.

Happy fishing folks!

Follow Reel Tales at: fb.com/reeltalescolumn



Some squid found on the west coast can be as heavy as 1kg each.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/10/2019 | STAR METRO | EVENTS | 9 |

# Fresh lease of life for coffee farming

## Govt agencies, private sector working together to raise quality, efficiency and yield

By CALYN YAP
calyn@thestar.com.my

WITH a push from food and beverage manufacturing conglomerate Nestle (M) Bhd, the country's smallholders — especially those located in Kedah — may soon start taking positive strides towards the diversification of crops.

Doing so will uplift the lives of local farmers and rejuvenate the coffee farming industry in Malaysia. It will also contribute towards strengthening food security here.

In conjunction with International Coffee Day, Nestle Malaysia launched the Grown Respectfully programme which has the support of the Federal Land Development Authority (Felda), Kedah Agriculture Department (KSDA), Kedah Economic Development Authority (Keda), Pertubuhan Kami Anak Felda (KAF) and Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi).

The multi-stakeholder alliance programme will kick off its pilot in Kedah owing to the state's optimum climate conditions for coffee cultivation.

As a start, the initiative will see Nestle Malaysia and KSDA jointly planting over 50,000 Robusta coffee seedlings at its existing 1.2ha nursery in Kedah's Sik district.

Efforts to rehabilitate the nursery are under way so that it can play a central role in the programme to provide adequate planting materials for coffee seedling production.

The nursery was the result of an earlier collaboration between Nestle Malaysia's agricultural services department and the local authorities during the 1990s for the same purpose.

The difference is that the collaborative effort is strengthened with good agricultural practices, stressed Nestle Malaysia chief executive officer Juan Aranols.

"This programme is all about making coffee farming sustainable as we have pledged to source all our coffee sustainably by 2020.

"We are confident that by leveraging our experience and scale as a global food producer with local expertise, combined with the strength of our local partners, we can successfully revive the coffee farming sector while improving the livelihood and well-being of Malaysian farmers.

"This is in line with our commitment to improve farmers' livelihood and enhance rural development in our local communities," he said.

The seedlings are targeted for distribution to 200 local farmers for planting across 40ha of land in mid-2020, where the global food and beverage player will play a supporting role in each stage of the coffee farming process to successfully develop the upstream coffee chain.

The Grown Respectfully programme has plans to provide strong support in terms of training and knowledge sharing in order to maximise the land utilisation for growing alternative crops and sharing best practices to increase yield and productivity.

In addition, Nestle Malaysia beverages business unit business executive officer Othaman Chraibi said, "Nescafé will leverage its extensive coffee expertise to provide technical advice on the end-to-end process of coffee growing from seedlings to harvesting."

"We will also train farmers in good agricultural practices to increase crop yield, improve the quality of green beans and at the same time, reduce operational costs."

The land here is within the "bean belt" for coffee growing that has sufficiently welcoming environmental conditions to cultivate coffee. Alongside high demand for green coffee, Nestle Malaysia believes that there are "significant prospects" in reviving the local coffee farming sector.

Aranols said local farmers had always been an important part of the multinational corporation's value chain, due to the fact that it had been actively engaging smallholders in Kedah and Kelantan through the Nestle Paddy Club and Chilli Club programmes for the past three decades to maximise yields without compromising quality.

Should it meet the company's quality standards, the green coffee grown under this latest programme will be purchased by Nescafe, which could pave the way for the creation of Malaysia-specific coffee products.

The Nestle Group is said to be the world's largest purchaser of green coffee as it sources around 850,000 tonnes of the ingredient annually.

The global launch of the Grown Respectfully programme in 2010 has seen almost 120,000 farmer training sessions conducted, with an accumulated number of over 600,000 farmers positively impacted.




(From left) Keda deputy general manager Sukhri Jusoh, KSDA director Ramli Abdul Rahman, Aranols, Felda education director Nurzila Abdul Ghani, Mardi Industrial Crop Research Centre deputy director Datuk Dr Hanim Ahmad, KAF president Fakhrurrazi Mohd Habib and Chraibi launching the Nescafe Grown Respectfully programme to rejuvenate coffee farming in Malaysia.



VIPs and other guests visiting a booth displaying saplings at the Grown Respectfully programme launch.

